



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

BAJET 2022: PEMACU TRANSFORMASI SEKTOR AGROMAKANAN YANG MODEN, DINAMIK DAN KOMPETITIF

1. Saya mengalu-alukan Bajet 2022 dengan nilai peruntukan tertinggi berbanding bajet-bajet sebelum ini dengan jumlah sebanyak RM332.1 bilion mengikut pecahan iaitu belanja mengurus RM233.5 bilion, RM75.6 bilion untuk belanja pembangunan, RM23 bilion di bawah Kumpulan Wang COVID-19 dan RM2 bilion disediakan sebagai simpanan luar jangka. Bajet yang bertemakan “*Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera*” mempunyai tiga paksi utama iaitu memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan beserta tiga fokus induk iaitu Rakyat yang Sejahtera, Perniagaan yang Berdaya Tahan, dan, Ekonomi yang Makmur dan Mampan.
2. Bajet 2022 yang dirangka ini juga turut merangkumi pelbagai bantuan dan inisiatif strategik serta bersasar yang pastinya akan membantu seluruh rakyat Malaysia sepanjang tempoh pemulihan ekonomi di semua sektor termasuk sektor pertanian dan industri makanan. Walaupun negara masih mengharungi pandemik COVID-19, sektor agromakanan terus mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan kadar pertumbuhan sebanyak 2.3 peratus pada tahun 2020 dan diunjur akan terus berkembang pada kadar 4.3 peratus pada tahun ini melalui inisiatif-inisiatif dalam Pelan Pemulihan Negara supaya tahap sekuriti makanan terus terjamin bagi Keluarga Malaysia.
3. Melalui Strategi 3 iaitu Memilih Sektor-Sektor Tumpuan di bawah Inisiatif 4 bagi terus memacu pemodenan sektor pertanian dalam meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan serta menjana pendapatan lebih tinggi dan menarik lebih ramai generasi muda agropreneur, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM4.82 bilion bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Peruntukan ini termasuk bagi tujuan perbelanjaan mengurus (OE) sebanyak RM3.28 bilion dan perbelanjaan pembangunan (DE) sebanyak RM1.54 bilion. Secara keseluruhannya, peruntukan yang diberikan kepada MAFI juga adalah lebih tinggi berbanding tahun 2021. Ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Keluarga Malaysia dalam mentransformasikan sektor pertanian supaya menjadi sektor yang moden dan dinamik serta negara lebih kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia sekaligus menjadikan sektor pertanian sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara.
4. Di bawah OE, MAFI telah menerima RM1.7 bilion bagi pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian serta perikanan untuk tahun 2022. Antaranya RM1.5 bilion bagi subsidi benih, baja, harga dan pengeluaran padi termasuk subsidi baja padi huma sebanyak RM40 juta. Insentif hasil tangkapan nelayan juga turut disediakan berjumlah RM150 juta. Secara amnya, kesemua subsidi dan insentif untuk tahun 2022 dikekalkan sebagaimana tahun 2021. Ini menunjukkan komitmen kerajaan bagi mengekalkan momentum pengeluaran makanan dalam negara khususnya tanaman padi yang merupakan komoditi tanaman makanan utama negara.
5. Bagi DE, peruntukan yang diluluskan meningkat sebanyak RM23 juta atau bersamaan dengan 1.5% berbanding tahun 2021. Ini adalah selaras dengan momentum pelaksanaan projek yang

memasuki tahun kedua RMKe-12 dengan jumlah yang telah diperuntukkan sebanyak RM1.54 bilion. Ini dapat dilihat melalui beberapa Jabatan serta Agensi di bawah MAFI yang telah menerima peningkatan peratusan peruntukan yang ketara bagi tahun 2022.

6. Pada tahun 2022, inisiatif bagi terus meningkatkan jaminan bekalan makanan berjumlah RM120 juta akan dilaksanakan seperti berikut:
 - a) Pertama: Pelbagai projek Jaminan Bekalan Makanan melibatkan pelbagai negeri termasuk Pembangunan Industri Akuakultur dan Estet Kerang-Kerangan di Johor;
 - b) Kedua: Program Pemantapan Jaminan Bekalan Makanan Negara bagi menyediakan kemudahan logistik dan pusat penyimpanan stok bekalan makanan dan hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk petani dan pengusaha agromakanan;
 - c) Ketiga: Program Bantuan Insentif Makanan Ternakan Ruminan melalui Skim Harga Bersubsidi Dedak Isi Rong Sawit bagi membolehkan penternak kecil ruminan mendapatkan bekalan makanan ternakan dengan harga lebih murah selaras dengan konsep ekonomi kitaran; dan
 - d) Keempat: Program Galakan Usahawan Tekno PKS bagi meningkatkan hasil pengeluaran tanaman dan pemprosesan makanan melalui aplikasi teknologi untuk manfaat 140 usahawan tani serta program.
7. Inisiatif-inisiatif ini akan meningkatkan sekuriti makanan negara melalui pengurangan kebergantungan terhadap import dari luar negara khususnya makanan ternakan di samping meningkatkan nilai tambah dan kecekapan rantai nilai agromakanan.
8. Selain itu, semua ahli peladang Persatuan Pertubuhan Kawasan (PPK) seluruh Malaysia akan diberi perlindungan takaful di bawah Skim Perlindungan Takaful Smart Card Peladang dengan peruntukan sebanyak RM5 juta.
9. Manakala, dalam usaha meningkatkan kawasan pertanian dan memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan belia termasuk graduan untuk menjana pendapatan, tanah terbiar dan tidak dibangunkan milik Kerajaan Persekutuan serta tanah Rizab Melayu dicadangkan untuk disewa bagi projek pertanian atau perniagaan. Melalui inisiatif ini, MAFI berharap tanah-tanah tersebut dapat diuruskan secara optimum serta dapat mengatasi masalah kekurangan tanah pertanian secara efektif dan teratur.
10. Sebagai pelengkap, program pembiayaan sehingga RM1.25 bilion juga akan disediakan, antaranya melalui *AgroFood Facility* berjumlah RM500 juta di bawah Bank Negara Malaysia dan Dana Pembiayaan Agromakanan di bawah Agrobank berjumlah RM200 juta.
11. MAFI akan terus memainkan peranan penting dalam melaksanakan Bajet 2022 secara efektif bagi memastikan kelangsungan sektor agromakanan di setiap peringkat rantai makanan dan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi serta berkhasiat. Kerajaan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri pastinya akan sentiasa melaksanakan semua program dan inisiatif kesejahteraan rakyat yang diumumkan dengan berkesan.
12. Secara umumnya, kesemua inisiatif yang diumumkan oleh Kerajaan melalui Bajet 2022 merupakan satu Bajet yang telah diujarkan kepada RMKe-12 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang telah dilancarkan 25 Oktober 2021 yang lepas. Bajet ini juga merupakan kesinambungan daripada pakej bantuan dan rangsangan ekonomi sebelum ini serta dilengkapi dengan usaha baharu untuk membentuk sebuah Bajet yang inklusif, mampan dan seimbang.

13. Saya yakin dan percaya bahawa Bajet ini akan dapat membantu golongan sasaran serta pengeluar dan pengusaha agromakanan bagi memastikan kesejahteraan sosioekonomi dan kelangsungan perusahaan masing-masing untuk terus menyumbang kepada pertumbuhan sektor agromakanan serta KDNK negara.

DATUK SERI DR RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
30 OKTOBER 2021